

# e-Buletin

KELAB SUKAN DAN KEBAJIKAN (KESUKA)

Pejabat Daerah dan Tanah Sabak Bernam



## PROGRAM KELAB SUKAN & KEBAJIKAN (KESUKA)



# Majlis Bacaan Yassin

Tarikh : 05 Mac 2021

Tempat : Balai Bunga Raya



Majlis bacaan Yasin anjuran Kelab Sukan dan Kebajikan (KESUKA) telah selesai diadakan pada 03 Mac 2021 (Rabu). Majlis yang diadakan ini dibuat secara bersemuka.

Tujuan majlis diadakan adalah untuk mengajak seluruh warga PDTSB bermunajat dan memohon kerahmatan serta perlindungan Allah SWT agar dipelihara, dilindungi dan dipermudahkan segala urusan dalam menghadapi penularan pandemik Covid-19 yang masih melanda negara pada hari ini.



## Program Agihan Kurma Semperna Sambutan Ramadhan al-Mubarak

Tarikh : 05 Mac 2021  
Tempat : Balai Bunga Raya

Program ini diadakan pada 05 Mac 2021 di Balai Bunga Raya. Pengagihan kurma kepada semua staff dan pegawai serta pekerja-pekerja kontrak , telah disampaikan sendiri oleh Tuan Pegawai Daerah Sabak Bernam,Tuan Amri bin Ismail .

Semoga program yang dibuat setiap kali Ramadhan ini akan memberi keberkatan kepada semua warga kerja Pejabat Daerah dan Tanah Sabak Bernam.



# Kaunter Kutipan Zakat Fitrah

Tarikh : 03 Mei 2021  
Tempat : Balai Bunga Raya

Kaunter kutipan Zakat Fitrah yang dibuka berhadapan Balai Bunga Raya bertujuan untuk memudahkan warga Pejabat Daerah dan Sabak Bernam untuk membayar zakat fitrah sebagai tanggungjawab seorang muslim.



Tarikh : 05 Mei 2021  
Tempat : Bilik Mesyuarat Cempaka

# Majlis Khatam Al-Quran



Sabak Bernam, 05 Mei 2021 (Rabu), Pejabat Daerah dan Tanah Sabak Bernam telah mengadakan Majlis Khatam Al-Quran bertempat di Bilik Mesyuarat Cempaka , Aras 1, Blok B Pejabat Daerah dan Tanah Sabak Bernam . Semua warga PDTSB menghadiri majlis tersebut dan beberapa orang pegawai telah dipilih bagi menyempurnakan Majlis Khatam Al-Quran.

## PROGRAM AGIHAN NASI ARAB KEPADA PEGAWAI DAN STAFF PDTSB SEMPENA BULAN RAMADHAN AL-MUBARAK

Tarikh : 06 Mei 2021

Tempat : Pejabat Daerah dan Tanah Sabak Bernam

Pengagihan Nasi Arab oleh Tuan Pegawai Daerah Tuan Amri bin Ismail kepada staff Pejabat Daerah dan Tanah Sabak Bernam.



Rasulullah shallallahu 'alaihi wa sallam bersabda:

من فطر صائمًا كان له مثل أجره ، غير أنه لا ينقص من أجر الصائم شيئاً


"Orang yang memberikan hidangan berbuka puasa kepada orang lain yang berpuasa, ia akan mendapatkan pahala orang tersebut tanpa sedikitpun mengurangi pahalanya." (HR. At Tirmidzi no 807, ia berkata: "Hasan shahih")



## Majlis Bacaan Yassin

Tarikh : 18 June 2021

Tempat : Bilik Mesyuarat Cempaka



Majlis bacaan Yasin anjuran Kelab Sukan dan Kebajikan (KESUKA) telah selesai diadakan secara atas talian pada 18 June 2021 (Jumaat) jam 8.30 pagi. Majlis yang diadakan ini telah bersiaran secara langsung di saluran GoogleMeet.

Semoga doa dan bacaan Yasin tersebut dapat diangkat sebagai amal soleh tanda kita bersyukur dan bersabar atas apa jua ketentuan Allah SWT dalam menjalani pandemik ini.

## Program Ibadah Korban 1443-Hijrah

Tarikh : 21 Julai 2021

Tempat : Balai Penghulu Panchang Bedena

21 Julai 2021 (RABU) - Pejabat Daerah dan Tanah Sabak Bernam telah menganjurkan program ibadah Korban bersama penduduk sekitar pada hari raya pertama Aidil Adha di Balai Penghulu Panchang Bedena. Program ini turut disertai oleh Tuan Pegawai Daerah Sabak Bernam , Tuan Amri bin Ismail .



## Program Malaysia #QuranHour 2021

Tarikh : 30 Ogos 2021

Tempat : Bilik Mesyuarat Cempaka

PROGRAM World #QuranHour berjaya menyatukan umat Islam di seluruh dunia apabila ummah meluangkan masa selama sejam membaca, memahami dan menghayati ayat suci al-Quran pada ruang waktu yang berbeza.Begitu juga di Pejabat Daerah dan Tanah Sabak Bernam .

Selain PDTSB, program sama turut diadakan di 700 lokasi di Malaysia dan disertai umat Islam dari Arab Saudi, Amerika Syarikat (AS), Albania, Australia, Bangladesh, Belgium, Bosnia-Herzegovina, Brunei Darussalam, Bulgaria, Russia, New Zealand, Mesir, Perancis, Indonesia dan Turki.

## Ceramah Agama Sempena Sambutan Maulidur Rasul 1443H

Tarikh : 22 Oktober 2021

Tempat : Bilik Mesyuarat Cempaka



Sempena Sambutan Maulidur Rasul 1443H , Pejabat Daerah dan Tanah Sabak Bernam telah menjemput Al Ustaz Rif'at Basya Bin Halik Basha untuk menyampaikan ceramah agama .

Ceramah agama ini disertai pegawai , kakitangan dan pelajar praktikal di Pejabat Daerah dan Tanah Sabak Bernam .

## TAKLIMAT PRODUK DAN PERKHIDMATAN DARIPADA TABUNG HAJI CAWANGAN SUNGAI BESAR

Tarikh : 12 November 2021

Tempat : Bilik Mesyuarat Cempaka

Taklimat Produk dan Perkhidmatan Daripada Tabung Haji Cawangan Sungai Besar disertai beberapa pegawai dan kakitangan PDTSB .

Taklimat membincangkan tentang keistimewaan tabung haji dan bagaimana cara untuk pengguna boleh mengakses tabung haji secara dalam talian .





## PDTSB extreme Challenge Ourselves

Tarikh : 13 November 2021

Tempat : Skytrex Sungai Congkak

Kelab Sukan dan Kebajikan telah menganjurkan program PDTSB extreme Challenge Ourselves

yang disertai staff dari Pejabat Daerah dan Tanah Sabak Bernam iaitu seramai (28 orang) . Selain dari memastikan warga PDTSB aktif dalam aktiviti bersukan , program ini juga dapat mengeratkan lagi hubungan silaturrahim antara staff di pejabat daerah dan tanah Sabak Bernam.



## Majlis Bacaan Yassin , Solat Hajat dan Doa Selamat

Tarikh : 03 Disember 2021  
Tempat : Kediaman Tuan Pegawai Daerah

Program “Bacaan Yaasin, Solat Hajat dan Doa Selamat” telah dianjurkan dengan kerjasama jawatankuasa pada 03 Disember 2021 dan berlangsung di Kediaman Tuan Pegawai Daerah Sabak Bernam , Tuan Amri bin Ismail.

Bermula pada pukul 7 petang, program telah dimulai dengan solat maghrib secara berjemaah, solat hajat seterusnya bacaan Yaasin dan doa selamat .

# Biro Sukan

## Latihan Badminton Kakitangan PDTSB

Latihan badminton yang bertempat di gelanggang kekwa yang juga merupakan persediaan awal bagi kakitangan PDTSB untuk menyertai kejohanan badminton 2021 antara Jabatan Kerajaan dan Agensi Daerah Sabak Bernam yang mana akan berlangsung di Stor JKR Sabak Bernam.



Kejohanan badminton 2021 Jabatan Kerajaan dan Agensi Daerah Sabak Bernam

**Tempat : Stor JKR Sabak Bernam**

Pejabat Daerah dan Tanah Sabak Bernam turut serta dalam Kejohanan Badminton 2021 antara Jabatan dan Agensi Kerajaan Daerah Sabak Bernam di Stor JKR Sabak Bernam. Kejohanan berlangsung dengan jayanya .

Tahniah diucapkan kepada semua individu yang terlibat.



## **BIRO EKONOMI DAN PUBLISITI :**

### **Jualan Makanan Kepada Kakitangan PDTSB**

Jualan Makanan Kepada Kakitangan PDTSB salahsatu antara aktiviti dibawah Kelab Sukan dan Kebajikan (KESUKA) . Selain dari berniaga , aktiviti ini dapat mengeratkan hubungan sesama Pegawai dan kakitangan di PDTSB . Jualan Makanan ini dianjurkan oleh Biro Ekonomi dan Publisiti .

